



**GARIS PANDUAN  
PENGUNAAN RANGKAIAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

## REKOD PINDAAN

| Bil. | Tarikh Pindaan | Ringkasan Pindaan       | Tarikh kuatkuasa |
|------|----------------|-------------------------|------------------|
| 1.   | -              | Kuat kuasa kali pertama | 1.6.2019         |
| 2.   |                |                         |                  |
| 3.   |                |                         |                  |
| 4.   |                |                         |                  |
| 5.   |                |                         |                  |

|     |   |   |
|-----|---|---|
| 1.0 | TUJUAN .....  | 1 |
| 2.0 | LATAR BELAKANG .....  | 1 |
| 3.0 | SKOP .....  | 1 |
| 4.0 | PANDUAN .....   | 1 |
| 4.1 | PENGGUNAAN RANGKAIAN UKM .....                                      | 1 |
| 4.2 | PENGGUNAAN WIFI UKM .....   | 2 |
| 4.3 | PENGGUNAAN INTERNET UKM .....                                       | 2 |
| 4.4 | LARANGAN PENGGUNAAN RANGKAIAN, WIFI DAN INTERNET UKM .....          | 3 |
| 5.0 | TANGGUNGJAWAB   |   |
| 5.1 | TANGGUNGJAWAB PTJ PENYEDIA PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT UKM .... | 4 |
| 5.2 | TANGGUNGJAWAB PENGGUNA .....  | 5 |

## 1. TUJUAN

**Garis panduan ini bertujuan:**

- 1.1. menerangkan tatacara penggunaan Internet yang disediakan oleh Universiti;
- 1.2. memastikan penggunaan Internet yang teratur dan terkawal oleh warga Universiti;
- 1.3. mengurangkan risiko terhadap gangguan rangkaian dan Internet.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Internet adalah infrastruktur saluran global dan merupakan sumber maklumat yang tidak terkawal. Dengan sebab itu, ketepatan maklumat Internet tidak boleh ditentukan. Justeru, pengguna perlu memainkan peranan dan bertindak secara bijak menilai kesahihan, ketepatan dan kesesuaian sesuatu maklumat yang diperolehi agar kerja yang dilaksanakan tidak menyimpang dari tujuan sebenar jabatan.
- 2.2 Penggunaan Internet dengan cara yang tidak bertanggungjawab adalah dianggap sebagai pelanggaran tatacara yang boleh mengancam keselamatan, keutuhan dan kerahsiaan maklumat, melemahkan sistem ICT dan pengurusan rekod elektronik, mengganggu sistem rangkaian ICT dan merosakkan imej Universiti.

## 3. SKOP

Garis panduan ini merangkumi penggunaan perkhidmatan rangkaian dan Internet yang disediakan oleh pihak Universiti.

## 4. PANDUAN

### 4.1. PENGGUNAAN RANGKAIAN UKM

Berikut adalah tatacara yang mesti diikuti dalam menggunakan rangkaian UKM:

- a) hak akses pengguna hendaklah dilihat sebagai satu kemudahan yang disediakan oleh jabatan untuk membantu melicinkan pentadbiran atau memperbaiki perkhidmatan yang disediakan. Pengguna harus mengambil maklum bahawa semua aset ICT di bawah kawalannya (termasuk maklumat) adalah hak milik Universiti;
- b) laman yang dilayari hendaklah hanya yang berkaitan dengan bidang kerja dan terhad untuk tujuan yang dibenarkan oleh Ketua Jabatan;

- c) pengesahan maklumat bahan yang diperolehi dari Internet perlulah ditentukan ketepatan dan kesahihannya. Sebagai amalan baik, rujukan sumber Internet hendaklah juga dinyatakan;
- d) bahan rasmi yang hendak dimuat naik ke Internet hendaklah disemak dan mendapat pengesahan daripada Ketua PTJ sebelum dimuat naik.
- e) tindakan memuat turun hanya dibenarkan ke atas bahan yang sah seperti perisian yang berdaftar dan di bawah hak cipta terpelihara. Sebarang bahan yang dimuat turun dari Internet hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan oleh jabatan sahaja;
- f) segala keperluan untuk penyambungan ke rangkaian UKM mestilah melalui PTJ Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM.

#### 4.2. PENGGUNAAN WIFI UKM

Berikut adalah tatacara yang mesti diikuti dalam menggunakan wifi UKM:

- a) liputan perkhidmatan rangkaian tanpa wayar adalah bersifat kawasan tumpuan (*hotspot*) pada lokasi yang dikenalpasti oleh PTJ menjadi tumpuan pengguna sahaja. Tiada jaminan terhadap kesinambungan dan kekuatan isyarat untuk sesuatu lokasi;
- b) terdapat beberapa SSID rasmi yang digunakan di dalam persekitaran UKM. Senarai SSID ini dinyatakan di dalam **Lampiran 1**;
- c) wifi adalah terdedah kepada ancaman kecurian maklumat. PTJ Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kecurian data dan maklumat penting. Pengguna tidak digalakkan untuk menghantar maklumat sulit dan sensitif menggunakan wifi;
- d) penggunaan *Access Point* (AP) peribadi akan mengganggu isyarat wifi sedia ada. Oleh yang demikian, penggunaan AP peribadi adalah dilarang kecuali dengan kebenaran PTJ Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM. Mana-mana peralatan yang menjadi sumber ancaman atau gangguan akan disekat capaiannya ke rangkaian UKM sehingga peralatan tersebut disahkan bebas dari ancaman siber.

#### 4.3. PENGGUNAAN INTERNET UKM

Pengguna harus menggunakan Internet mengikut tatacara dan etika berasaskan nilai-nilai murni contohnya seperti berikut:

- a) penggunaan Internet adalah untuk tujuan menyokong malah memacu misi asas Universiti dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan;
- b) penggunaan Internet bagi tujuan yang disebut di atas mestilah menghormati hak cipta, harta intelek dan hak persendirian pengguna lain;

- c) pengguna Internet bertanggungjawab memastikan integriti dan keselamatan ke atas pengenalan diri (ID) dan kata laluan semasa mengakses rangkaian dan sistem-sistem di Universiti;
- d) penggunaan Internet oleh warga Universiti hendaklah tidak mengganggu kebolehcapaian dan keboleharapan prasarana ICT. Aktiviti memuat naik/turun data bersaiz besar yang memonopoli *bandwidth* dalam bentuk *P2P* dan seumpamanya dianggap mengganggu kebolehcapaian dan keboleharapan prasarana ICT;
- e) pihak Universiti berhak memastikan penggunaan sebarang aplikasi atas talian yang memerlukan sumber yang tinggi seperti aplikasi *video streaming* tidak mengganggu kebolehcapaian dan keboleharapan prasarana ICT Universiti;
- f) pengguna bertanggungjawab ke atas maklumat yang disebar dengan memastikan kesahihan maklumat tersebut serta mendapatkan pengesahan atau keizinan daripada pemiliknya;
- g) pengguna bertanggungjawab memastikan peranti yang mencapai Internet adalah bebas dari sebarang ancaman seperti *spyware*, *adware* dan *virus*;
- h) setiap pengguna hendaklah memaklumkan kepada PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM sekiranya mengetahui atau mengesyaki berlakunya insiden yang boleh menggugat keselamatan komunikasi Universiti;
- i) pihak Universiti berhak menarik balik keistimewaan kemudahan Internet apabila berlaku pelanggaran dasar yang ditetapkan;
- j) pihak Universiti berhak merujuk kepada pihak berkuasa berkaitan untuk mendapatkan nasihat berkaitan tindakan yang wajar bagi memastikan pelanggaran dasar tidak berulang.

#### 4.4. LARANGAN PENGGUNAAN RANGKAIAN, WIFI DAN INTERNET UKM

Pengguna adalah **DILARANG** daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar etika dan tatacara penggunaan rangkaian, wifi dan Internet. Berikut disenaraikan beberapa aktiviti , namun tidak terhad kepada aktiviti tersebut sahaja:

- a) memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen;
- b) menyedia dan menghantar maklumat berulang-ulang berupa gangguan;
- c) menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan, imej atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah;
- d) menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan maklumat Internet yang melibatkan sebarang pernyataan fitnah atau hasutan yang boleh memburuk dan menjatuhkan imej UKM atau Kerajaan;

- e) menyalahgunakan kemudahan perbincangan awam atas talian seperti *newsgroup*. papan buletin dan media sosial;
- f) memuat naik, memuat turun dan menyimpan gambar atau teks yang bercorak penentangan yang boleh membawa keadaan huru-hara;
- g) melakukan aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata, aktiviti penganas dan lain-lain;
- h) menggunakan capaian Internet, Intranet, permainan video dalam talian, *video streaming* atau seumpamanya yang tidak berkaitan dengan aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran yang membebankan rangkaian UKM;
- i) membuat sebarang penyambungan peralatan dan perkakasan rangkaian ke rangkaian UKM tanpa kebenaran PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM;
- j) melakukan aktiviti yang mengganggu penggunaan rangkaian dan kesejahteraan warga seperti hosting server.

## 5. TANGGUNGJAWAB

### 5.1. TANGGUNGJAWAB PTj PENYEDIA PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT UKM

Bagi memastikan pengendalian Internet UKM beroperasi dengan sempurna dan berkesan, PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM adalah bertanggungjawab:

- a) menghalang kemasukan maklumat dari laman Internet yang berunsur ganas, lucah, permainan elektronik atas talian, judi dan lain-lain aktiviti yang dilarang;
- b) menjalankan pemantauan dan penapisan kandungan fail elektronik secara berkala jika difikirkan perlu tanpa terlebih dahulu merujuk kepada pengguna. Ini bertujuan memastikan pelaksanaannya mematuhi dasar dan tatacara yang ditetapkan;
- c) memaklumkan kepada Ketua Jabatan sekiranya mengalami insiden keselamatan seperti pencerobohan sistem, serangan virus atau sebarang masalah kerosakan. PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM hendaklah mengurus dan menangani insiden yang berlaku dengan segera dan sistematik sehingga keadaan kembali pulih;
- d) mana-mana peralatan yang menjadi sumber ancaman atau penyebaran virus akan disekat capaiannya ke rangkaian UKM sehingga peralatan tersebut disahkan bebas dari ancaman siber;
- e) memantau aktiviti penggunaan rangkaian UKM dan berhak menyekat sambungan yang mengganggu rangkaian untuk memastikan perkhidmatan rangkaian dan Internet sentiasa berjalan lancar.

## 5.2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

Pengguna hendaklah mematuhi tatacara penggunaan Internet yang telah ditetapkan agar keselamatan ke atas pemakaiannya akan terus terjamin. Peranan dan tanggungjawab pengguna adalah seperti berikut:

- a) memaklumkan kepada PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM dengan segera sekiranya mengesyaki akaun telah disalahgunakan;
- b) menggunakan kata laluan yang baik dengan ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian;
- c) memastikan setiap fail yang dimuat turun bebas dari virus sebelum digunakan;
- d) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kandungan fail elektronik. Dengan itu, pengguna perlu bertindak bijak, profesional dan berhati-hati apabila berkomunikasi menerusi saluran elektronik;
- e) memutuskan talian dengan serta-merta sekiranya kakitangan menerima dan disambungkan ke laman Internet yang mengandungi unsur-unsur tidak menyenangkan;
- f) mengadakan salinan atau penduaan pada media storan kedua elektronik seperti cakera keras, *cloud storage* dan sebagainya bagi tujuan keselamatan data;
- g) menggunakan kemudahan *password screen saver* atau log keluar apabila hendak meninggalkan komputer;
- h) memaklumkan kepada PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM sekiranya berlaku atau mengesyaki berlakunya insiden keselamatan ICT.



**Senarai SSID rasmi yang digunakan di dalam persekitaran UKM:**

- a) UKM-Warga
- b) Eduroam
- c) MyUKMg
- d) Pelawat
- e) Warga (di Kampus Kuala Lumpur)